

PEMULIHARAAN KOTA LAMA DUYUNG DI KUALA
TERENGGANU

NURUL NABILAH BINTI SHAFEE

UNIVERSITI

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

MALAYSIA

2022

KELANTAN

FTKWW



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEMULIHARAAN KOTA LAMA DUYUNG DI KUALA TERENGGANU

DISEDIAKAN OLEH:

NURUL NABILAH BINTI SHAFEE

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi
Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

ETKWW

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

<input checked="" type="checkbox"/>	TERBUKA	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
<input type="checkbox"/>	SEKATAN	Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawantankuasa Pengajian Siswazah.
<input type="checkbox"/>	SULIT	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
<input type="checkbox"/>	TERHAD	(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat Salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

NURUL

NURUL NABILAH BINTI SHAFEE

TARIKH :

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT dan TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Bersyukur kepada Allah S.W.T saya dapat menyiapkan tugas projek penyelidikan ini dalam masa yang telah ditetapkan walaupun banyak kengkangan dan halangan yang perlu saya harungi dalam usaha menyiapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Tsuji Syuji yang telah menjadi penyelia projek penyelidikan I. Selain itu, saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan II iaitu Puan Nur Athmar Binti Hashim. Saya mengucapkan terima kasih kepada kedua – dua penyelia kerana beliau banyak memberikan nasihat, bimbingan dan sokongan sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Selain itu, saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang telah memberikan sokongan dan semangat kepada saya untuk menjalankan projek penyelidikan sehingga selesai. Tidak dilupakan juga adik beradik saya yang telah memberikan dorongan dan sokongan kepada saya untuk meneruskan pelaksanaan projek penyelidikan sehingga selesai. Tanpa mereka tidak mungkin saya akan dapat menyiapkan tugas ini.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan saya yang telah banyak memberikan sokongan dan semangat kepada saya untuk mengharungi halangan ketika melaksanakan kajian ini. Di samping itu, saya ingin juga menyelitkan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan yang telah memberikan kerjasama secara langsung dan tidak langsung sepanjang saya menjalankan kajian projek penyelidikan ini.

Pemuliharaan Kota Lama Duyung Di Kuala Terengganu

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian tentang “Pemuliharaan Kota Lama Duyung Di Kuala Terengganu”. Bangunan kota lama duyung ini telah dibina pada tahun 1919 dan siap pada tahun 1920 yang merupakan pemilik bangunan ini adalah Dato’Biji Sura atau Nik Muhamad bin Hitam. Lokasi pembinaan bangunan ini di kampung pulau duyung di Kuala Terengganu. Pengkaji membuat kajian terhadap bangunan kota lama duyung ini kerana mempunyai pelbagai keunikan terhadap seni bina pada bangunan ini yang perlu dipulihara. Walaupun bangunan ini mempunyai pelbagai reka bentuk seni bina dan sejarah tetapi masyarakat disekeliling masih tidak menyedari bahawa berharganya warisan yang terdapat pada bangunan kota lama duyung ini. Objektif pengkaji adalah ingin mengetahui sejarah yang terdapat pada bangunan kota lama duyung secara mendalam. Selain itu, mengenalpasti senibina yang perlu dipulihara pada bangunan kota lama duyung ini. Kaedah pemerhatian dan temubual telah dijalankan dalam projek penyelidikan ini bagi menyelesaikan proses penyelidikan ini dari awal hingga akhir. Akhir sekali, kajian ini juga akan mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk pemuliharaan bangunan kota lama duyung ini.

Kata kunci : *pemuliharaan, bangunan kota lama duyung, sejarah, seni bina, langkah*

Conservation of the Old Mermaid City in Kuala Terengganu

ABSTRACT

This research project is a study on "Conservation of the Old Mermaid City in Kuala Terengganu". The Kota Lama Duyung building was built in 1919 and completed in 1920. The owner of this building is Dato 'Biji Sura or Nik Muhamad bin Hitam. The construction location of this building is in the village of pulau duyung in Kuala Terengganu. The researcher made a study on the kota lama duyung building because it has various uniqueness to the architecture of this building that needs to be preserved. Although this building has a variety of architectural and historical designs the surrounding community is still not aware of the valuable heritage found in this Old Mermaid building. The objective of the researcher is to know the history of the Old Mermaid building in depth. In addition, identify the architecture that needs to be preserved in this Old Mermaid building. Observation and interview methods were conducted in this research project to complete this research process from beginning to end. Finally, this study will also identify the steps that need to be taken for the conservation of this Old Mermaid building.

Keywords: conservation, mermaid old town building, history, architecture, steps

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT	
PENGHARGAAN	i	
ABSTRAK	ii	
ABSTRACT	iii	
ISI KANDUNGAN	iv	
SENARAI JADUAL	vii	
SENARAI RAJAH	vii	
BAB 1	PENDAHULUAN	1
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	3
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	4
1.6	Lokasi Kajian	5
1.7	Skop Kajian	6
1.8	Kepentingan Kajian	7
1.9	Rumusan Bab	7

BAB 2	SOROTAN KAJIAN	8
2.1	Pengenalan	8
2.2	Kota Lama Duyung	9
2.3	Bahan Dan Seni Bina Kota Lama Duyung	11
2.4	Pemuliharaan	13
2.5	Teori	16
2.6	Rumusan Bab	18
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	19
3.1	Pengenalan	19
3.2	Reka Bentuk Kajian	19
3.3	Unit Analisis	20
3.4	Kaedah Kajian	21
3.5	Teknik Pengumpulan Data	21
3.6	Persampelan	24
3.7	Analisis Data	24
3.8	Kaedah Temubual Dan Pemerhatian	26
3.9	Senarai Responden	26
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	28
4.1	Pengenalan	28
4.2	Sejarah Kota Lama Duyung Di Kuala Terengganu	29

4.3	Seni Bina Yang Dipulihara Yang Terdapat Di Kota Lama Duyung	35
4.4	Langkah-langkah Yang Diambil Untuk Pemuliharaan Kota Lama Duyung	46
4.5	Rumusan Bab	51
BAB 5	CADANGAN DAN KESIMPULAN	52
5.1	Pengenalan	52
5.2	Kesimpulan Kajian	52
5.3	Cadangan	55
5.4	Rumusan Bab	56
RUJUKAN		57

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.1	Senarai Nama Responden Di Temubual Oleh Pengkaji	27
4.1	Tahun Dan Jawatan Yang Dipegang oleh Nik Mohamad Bin Hitam Dalam Pentadbiran Perundangan Dalam Negeri Terengganu	33

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.1	Lokasi Perkampungan Pulau Duyung Kota Lama Duyung Di Kuala Terengganu	5
3.1	Proses Analisis Data	25
4.1	Wajah Allahyarham Nik Mohamad Bin Hitam Atau Biji Sura	30
4.2	Salasilah Keluarga Nik Mohamad Bin Hitam Atau Biji Sura	32
4.3	Pandangan Hadapan Kota Lama Duyung	34
4.4	Bahagian Atap	40
4.5	Bahagian Tiang	41
4.6	Bahagian Dinding Aras Atas	42
4.7	Bahagian Dinding Aras Bawah	42
4.8	Bahagian Tangga	43
4.9	Bahagian Pagar	44
4.10	Bahagian Lantai	45
4.11	Langkah dan Usaha yang telah diambil untuk pemuliharaan Bangunan Kota Lama Duyung.	46

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kota lama duyung terletak di pulau duyung Kuala Terengganu. Kota lama duyung ini merupakan tempat yang bersejarah di Kuala Terengganu. Selain itu, kota lama duyung ini juga dipanggil sebagai *'The Terengganu Ruling Class'* bermaksud pemimpin di Terengganu pada awal abad ke 20 oleh segolongan sejarawan moden di Kuala Terengganu menurut buku tamadun baru bermula di sini Dato Wan Hisham, Wan Salleh dan Wan Muhammad (2006). Kota lama duyung ini juga merupakan pembentukan identiti negeri Terengganu yang mendapat jolokan sebagai Terengganu Darul Iman. Di samping itu, kota lama duyung ini juga merupakan tempat pembentukan anak negeri Terengganu yang terkenal dengan sifat masyarakat yang lemah lembut, mahir dalam bidang pertukangan dan arif dalam bidang pelayaran. Akhir sekali, kota lama duyung ini juga merupakan tempat yang mempunyai pelbagai sejarah yang berkaitan dengan masyarakat kampung pulau duyung.

Kota lama duyung ini juga merupakan sebuah institusi perkembangan islam yang menjadi pusat perbincangan hal ehwal perundangan dan perdagangan negeri. Selain itu, kota ini juga menjadi pusat rujukan hal pentadbiran dan pemerintahan Terengganu kerana telah melahirkan ulama terbilang serta dilantik menjadi mufti dan hakim negeri. Di samping itu, kota lama duyung ini mempunyai sembilan buah bumbung yang terdapat beberapa bahagian iaitu dapur, bilik mandi, sarung, beranda dan titian. Selain daripada itu, reka bentuk kota lama duyung yang berunsur daripada

seni bina *Corinthian* atau mesir serta mempunyai bentuk rumah tradisional melayu Terengganu pada tiang dan dinding menurut buku tamadun baru bermula di sini yang ditulis oleh Dato Wan Hashim Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhamad (2006). Akhir sekali, kota lama duyung banyak mempunyai sejarah yang berkaitan negeri Terengganu terutama di kampung pulau duyung.

Menurut buku tamadun baru bermula di sini yang ditulis oleh Dato Wan Hashim Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhamad (2006) mengatakan bahawa kota lama duyung ini merupakan tempat perbincangan perundangan hal ehwal agama yang berkaitan negeri Terengganu. Selain itu, pulau duyung yang terletak kota lama duyung ini merupakan tempat penyebaran dan pengembangan islam yang telah membina sebuah pondok untuk belajar agama islam pada ketika itu. Di samping itu, terdapat dua orang guru yang mengajar ilmu agama ini iaitu guru agama dari pattani dan Tuk Syeikh Duyong yang mengajar ilmu agama islam dan memperluaskan kurikulum pendidikan islam yang mengandungi hukum-hakam, syariah dan pengajian Al-Quran. Justeru itu, pulau duyung ini juga merupakan tempat kelahiran mufti dan pentadbir-pentadbir negeri Terengganu.

Akhir sekali, menurut buku tamadun bermula di sini oleh Dato Wan Hashim Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhamad (2006) telah mengatakan bahawa kota lama duyung merupakan tempat penyimpanan kitab-kitab pengajian islam semasa Tuk Syeikh Duyung menjadi guru agama islam di kampung pulau duyung. Terdapat beberapa kitab telah disimpan di kota lama duyung iaitu kitab Tulumustaqim, Tuhfatul-Mumtaz, Al-Fatwa-Kubra, Hadis Sahih Bukhari dan Sahih Muslim kitab ini merupakan rujukan untuk pelajaran agama berkaitan fatwa-fatwa yang terdapat dalam kitab ini. Akhir sekali, ilmu yang diajar oleh Tuk Syeikh Duyung ketika itu berkaitan dengan ilmu Fiqh, Tafsir, Hadis dan Tasawuf untuk Hal Ehwal Agama islam di negeri

Terengganu. Oleh itu, kota lama duyung ini merupakan tempat pendidikan dan penyebaran agama islam pada ketika itu.

1.2 Latar belakang kajian

Kota lama duyung ini telah dibina pada tahun 1919 dan siap pada tahun 1920 menurut Dato'Biji Sura atau Nik Muhamad bin Hitam yang merupakan seorang hakim. Kota ini juga telah diperbuat daripada bahan campuran seperti madu, kapur tohor, putih telur, batu dan sebagainya. Kota ini berukuran 400 meter persegi yang di dalamnya terdapat beberapa buah rumah seperti rumah bujang berpeleh, limas bungkus dan limas belanda. Pekerja yang membina rumah ini daripada melayu dan cina singapura. Di samping itu, di dalam rumah ini mempunyai tempat mengajar mengaji dan belajar mengaji Al Quran. Akhir sekali, tempat kota lama duyung ini pernah terkena banjir besar pada tahun 1986 yang menyebabkan banyak kerosakan. Dengan kejadian ini kerajaan telah mengambil langkah untuk membaiki atau memulihara semula kota lama duyung kerana mempunyai pelbagai sejarah di dalamnya. Pembinaan semula dilakukan pada tahun 1996 dan siap pada tahun September 1999 yang dibuat berdasarkan reka bentuk asal tanpa mempunyai pindahan.

1.3 Permasalahan kajian

Permasalahan kajian ini merupakan masalah yang dihadapi oleh kota lama duyung. Antara masalah yang dihadapi oleh kota lama duyung adalah asal usul dan sejarah pembinaan kota lama duyung yang kebanyakan pengunjung tidak mengetahui tentang pembinaan kota lama duyung ini. Selain itu, terdapat pelbagai kerosakan pada reka bentuk seni bina di kota lama duyung yang disebabkan oleh serangga perosok

seperti labah-labah dan pembiakan mikroorganisme pada bangunan ini menyebabkan pengunjung tidak boleh melihat dengan jelas. Di samping itu, terdapat kerosakan pada struktur pembinaan kota lama duyung ini seperti tangga, lantai dan dinding akan menyebabkan kemalangan kepada pengunjung yang datang. Melalui permasalahan ini pengkaji akan melakukan kajian untuk menyelesaikan masalah yang terdapat pada kota lama duyung. Seterusnya, Melalui kajian ini juga pengkaji dapat mengetahui sejarah yang terdapat pada kota lama duyung di Kuala Terengganu. Selain itu, pengkaji juga dapat mengenalpasti seni bina yang dipulihara terdapat di kota lama duyung di Kuala Terengganu. Di samping itu, pengkaji dapat mengenalpasti langkah-langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu.

1.4 Persoalan kajian

Antara persoalan kajian yang terdapat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.4.1 Apakah sejarah kota lama duyung?
- 1.4.2 Apakah bentuk seni bina yang terdapat pada kota lama duyung?
- 1.4.3 Bagaimanakah langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung?

1.5 Objektif kajian


Objektif kajian ini dilakukan bertujuan untuk:

- 1.5.1 Mengetahui sejarah kota lama duyung di Kuala Terengganu.
- 1.5.2 Mengenalpasti seni bina yang dipulihara yang terdapat di kota lama duyung di Kuala Terengganu.

1.5.3 Mengenalpasti langkah-langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu.

1.6 Lokasi kajian

Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah lokasi perkampungan pulau duyung kota lama duyung di Kuala Terengganu. Rajah 1.1 merupakan gambaran lokasi kajian yang telah dipilih oleh pengkaji untuk mengkaji pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu.



Rajah 1.1 : Lokasi perkampungan pulau duyung kota lama duyung di Kuala Terengganu

Sumber:

<https://www.google.com/maps/place/Kota+Lama+Duyung/@5.3354866,103.125664,17.53z/>

1.7 Skop kajian

Skop kajian ini merupakan sesuatu kajian yang ingin dijalankan yang berdasarkan beberapa perkara yang dapat memudahkan pengkaji untuk menjalankan tugas ini. Selain itu, dalam kajian ini pengkaji memfokuskan tempat untuk mengkaji pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu.

Kajian ini dijalankan di kawasan perkampungan pulau duyung untuk mengetahui tentang kota lama duyung di Kuala Terengganu. Selain itu, perkampungan ini dipilih kerana terdapat kota lama duyung yang merupakan lokasi pengkaji untuk menjalankan kajian. Seterusnya, lokasi ini dipilih kerana seni bina rumah kota lama duyung ini yang mempunyai keunikan dan nilai sejarah. Di samping itu, lokasi ini terletak kira-kira 8 kilometer dari bandar Kuala Terengganu. Hal ini kerana, kota ini merupakan tempat peninggalan bangunan warisan yang telah menjadi sejarah di bawah kerajaan negeri Terengganu. Terdapat banyak seni bina yang berbentuk unik pada kota lama duyung ini yang menjadi tarikan kepada pelancong luar dan dalam negara.

Pengkaji telah memilih lokasi kajian di perkampungan pulau duyung yang terletak kota lama duyung. Antara sebab pengkaji memilih lokasi ini merujuk kepada objektif iaitu mengetahui sejarah kota lama duyung yang merupakan kawasan mempunyai sejarah tentang pembinaan kota ini. Selain itu, pengkaji juga mengenalpasti seni bina yang dipulihara terdapat di kota lama duyung sebagai tempat pengkaji untuk mencari maklumat dan bentuk seni bina yang telah dipulihara di kota lama duyung ini. Justeru itu pemilihan lokasi ini untuk mengenalpasti langkah-langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung untuk memudahkan pengkaji menemu bual masyarakat yang ada di perkampungan pulau duyung.

1.8 Kepentingan kajian

Kajian ini dilakukan oleh pengkaji amatlah penting kepada pelbagai pihak kerana kajian ini mengenai pemuliharaan kota lama duyung yang memberikan kesan terhadap masyarakat di pulau duyung tentang reka bentuk seni bina yang terdapat pada bangunan kota lama duyung ini. Selain itu, pengkaji secara tidak langsung akan di dedahkan melalui temu bual dan pemerhatian yang akan dijalankan. Justeru itu, kajian ini dapat memberikan pengetahuan baharu kepada komuniti dan masyarakat setempat tentang pemuliharaan yang akan dijalankan di kota lama duyung.

1.9 Rumusan Bab

Kesimpulannya, bab 1 ini menceritakan mengenai kajian pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu. Dalam bab ini mengenai kajian tentang sejarah kota lama duyung, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Selain itu, bab ini banyak memberikan pendedahan sedikit tentang kota lama duyung untuk dijadikan sebagai tempat penyelidikan kepada pengkaji. Hal ini kerana, maklumat yang terdapat dalam bab ini dapat membantu pengkaji untuk mengetahui mengenai kota lama duyung sebelum memulakan penyelidikan seterusnya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan pernyataan fakta yang menyokong sesuatu objektif. Selain itu, penulisan sorotan kajian ini juga merupakan bukti bahawa teori yang digunakan untuk penghasilan kajian bukanlah hanya rekaan. Sorotan kajian juga merupakan hasil kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu tentang kajian yang berkaitan dengan tajuk pengkaji masa kini. Menurut *Creswell* (2005) sorotan kajian ini merupakan pencarian yang dilakukan melalui beberapa kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat seperti buku, artikel, jurnal, surat khabar dan dokumen yang berkaitan dengan kajian. Seterusnya, menurut *Bryman dan Bell* (2003) penulisan sorotan kajian ini merupakan rujukan secara kritikal dan sistematik yang berkaitan dengan maklumat yang dicari oleh pengkaji di perpustakaan yang berkaitan dengan topik atau persoalan kajian mengenai tajuk pengkaji. Menurut *Bryman dan Bell* (2003) sorotan kajian ini perlu menghurai, meringkas, menganalisis, menilai dan menjelaskan apa yang diperolehi di perpustakaan mengenai kajian ini.

Tujuan sorotan kajian dilakukan untuk memberikan idea dan membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang projek penyelidikan yang difokuskan oleh pengkaji menurut Kamarul Shukri Mak Teh (2015). Selain itu, sorotan kajian dilaksanakan juga untuk mengetahui kajian yang dijalankan oleh pengkaji telah banyak diterokai atau belum mengenai tajuk penyelidikan dijalankan. Di samping itu, maklumat yang diperolehi melalui kerja-kerja pencarian sorotan kajian dapat memberikan gambaran menyeluruh kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian ini

dengan lebih mendalam dan teliti. Maklumat yang diperolehi untuk membuat sorotan kajian ini melalui beberapa bacaan daripada artikel, buku, tesis, jurnal dan surat khabar. Selain daripada mendapatkan maklumat sorotan kajian melalui bahan bercetak juga boleh mendapatkan maklumat sorotan kajian melalui media elektronik seperti mencari maklumat di laman sesawang yang berkaitan dengan tajuk kajian dijalankan.

Selain itu, bab ini juga akan membincangkan mengenai hasil daripada kajian lepas yang telah mengkaji mengenai pemuliharaan bangunan sejarah kota lama duyung yang terdapat di Kuala Terengganu. Selain itu, hasil daripada kajian lepas akan dianalisis secara umum untuk mengetahui secara keseluruhannya mengenai tajuk kajian ini berdasarkan metodologi dan teori yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Melalui analisis yang akan dijalankan secara langsung akan dapat menghubungkan kait melalui kajian lepas dan kajian yang akan dilaksanakan oleh pengkaji.

Akhir sekali, dalam kajian ini pengkaji hendaklah memastikan kajian yang ingin dilakukan berkaitan dan mempunyai gambaran secara menyeluruh. Selain itu, pengkaji telah memilih kajian yang mengenai pemuliharaan kota lama duyung kerana reka bentuk seni bina yang dipulihara tidak berubah dan dapat memberikan pendedahan yang baharu berkaitan sejarah bangunan kota lama duyung kepada komuniti setempat atau kepada pelancong asing. Oleh itu, melalui kajian lepas terdapat pelbagai aspek pemuliharaan kota lama duyung ini dijalankan.

2.2 Kota lama duyung

Menurut Dato' Wan Hisham Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhammad yang menulis buku bertajuk tamadun baru bermula di sini pada tahun (2006) yang menyatakan bahawa kota lama duyung ini merupakan tempat yang terdapat pengaruh

masyarakat melayu yang dipanggil sebagai sejarahwan moden iaitu *'The Terengganu Ruling Class'* yang merupakan kelas kepimpinan terawal di Terengganu pada abad ke 20. Selain itu, kota lama duyung ini juga merupakan pembentukan identiti negeri Terengganu yang mendapatkan gelaran nama iaitu negeri iman atau Terengganu Darul Iman. Akhir sekali, penubuhan kota lama duyung ini merupakan pembentukan watak anak dalam negeri Terengganu yang bersifat lemah-lembut, tekun bekerja, mahir dalam bidang pertukangan tradisional dan mahir dalam bidang pelayaran.

Menurut keratan akhbar Utusan Malaysia Wan Ramli Wan Mohamad (1990) menyatakan bahawa kerajaan negeri Terengganu hendak membaikpulih kota lama duyung untuk dijadikan sebuah tempat yang bersejarah di negeri ini kerana mempunyai bentuk bangunan yang mengangumkan dan unik. Selain itu, dalam keratan akhbar ini juga mengatakan bahawa kota lama duyung ini merupakan sebuah bangunan yang dibina menggunakan batu konkrit yang luar biasa serta ukiran pada bangunan ini juga menarik. Di samping itu, kota lama duyung ini mempunyai beberapa tiang konkrit yang berukir setinggi 8 kaki yang mengalami kerosakan pada keseluruhan bangunan dan dinding kota lama duyung yang hampir roboh sebelum di pemuliharaan kerana lama terbiar oleh pemiliknya. Akhirnya, kerajaan negeri Terengganu membeli daripada pemiliknya untuk memulihara semula kota lama duyung yang menggunakan peralatan dan bahan seni bina yang semulajadi serta tidak menggunakan peralatan yang moden untuk memulihara semula bangunan kota lama duyung mengalami kerosakan..

Menurut Akhbar berita harian iaitu Azhar Abu Samah (1997) menyatakan bahawa pemuliharaan kota lama duyung ini hendaklah mengikut cara pembinaan asal kerana bangunan ini merupakan tempat terawal belajar ilmu fekah, tafsir, hadis dan tasawuf islam di asia tenggara pada tahun 1919. Seterusnya, pembinaan kota lama duyung menggunakan bahan-bahan yang semulajadi untuk membina semula dinding

dan tembok pada bangunan ini yang mengalami pereputan. Di samping itu, pemuliharaan bangunan ini hendaklah dilakukan dengan teliti kerana untuk mengekalkan struktur bangunan lama dan memerlukan pekerja yang ramai untuk menjalankan kerja membaikpulih bangunan ini. Hal ini, kerana kerja-kerja untuk memulihara bangunan ini dilakukan dengan cara yang manual tidak menggunakan mesin berat ketika membaikpulih bangunan untuk mengelakkan daripada struktur bangunan sedia ada mengalami kerosakan. Akhir sekali, tujuan pemuliharaan bangunan kota lama duyung dijalankan untuk menyimpan sejarah penduduk pulau duyung dan menjadi tempat yang menimba ilmu agama ketika dahulu.

2.3 Bahan dan seni bina kota lama duyung

Menurut Dato Wan Hisham Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhamad (2006) yang menulis buku tamadun baru bermula di sini yang memanggil kota lama duyung ini adalah kota lama yang berseni kerana mempunyai pelbagai kesenian pada bangunan kota lama duyung ini. Selain itu, kota lama duyung ini mempunyai 9 buah bumbung yang menutupi beberapa bahagian yang bersambung dengan dapur, bilik mandi, sarung, beranda dan titian. Di samping itu, rupa reka bentuk kota lama duyung mirip dengan istana kecil raja melayu tetapi telah memasukkan unsur seni bina asing seperti *Corinthian* atau mesir pada bangunan ini. Tiang dan dinding batu kota lama duyung ini pula mirip dengan bentuk rumah tradisional melayu Terengganu iaitu rumah bujang berpeleh, rumah lima bungkas dan potongan belanda dihias ukiran sobek pada sekeliling beranda. Akhir sekali, ilham seni bina kota lama duyung ini telah di ambil oleh pemilik asal bangunan ini iaitu Datuk Biji Sura atau Nik Mohamad Hitam yang

merupakan cicit kepada Wan Abdullah bin Wan Amin yang juga dikenali sebagai Tok Syeikh Duyung pada masa itu.

Terdapat beberapa bahan dan ciri-ciri yang digunakan untuk membuat bangunan kota lama duyung. Selain itu, nama pereka bangunan kota lama duyung ini adalah Nik Mohamed bin Hitam atau Datuk Biji Sura yang dikenali sebagai Tok Hakim pada masa itu. Mengambil beberapa tahun untuk menyiapkan ciri-ciri reka bentuk kota lama duyung iaitu bermula pada tahun 1919 sehingga 1920 baru siap ciri-ciri pembinaan kota lama duyung. Antara ciri-ciri yang banyak digambarkan oleh pereka adalah dalam bangunan kota lama duyung yang mempunyai Sembilan bumbung menggabungkan beberapa kawasan bersambung seperti dapur, bilik mandi, sorong atau anjung, beranda, tangga dan titian pada bangunan ini. Di samping itu, rupa bentuk bangunan ini kebanyakannya berpengaruh luar dan istana melayu serta bangunan ini juga menggambarkan reka bentuk rumah kayu tradisional. Bahan yang digunakan untuk pembinaan bangunan kota lama duyung ini adalah kayu cengal, batu, tanah liat, pasir, telur, madu, kapur, kulit kerang, plaster, cat debu, nilai dan sebagainya untuk proses pembinaan kota lama duyung ini. Tukang yang ditugaskan untuk membina bangunan kota lama duyung ini terdiri daripada dua orang cina dari singapura dan seorang penduduk tempatan sebagai ukiran kayu pada bangunan ini. Justeru itu, terdapat dua ciri-ciri penting digunakan pada bangunan ini iaitu ciri-ciri istimewa dan ciri-ciri khas. Ciri-ciri istimewa yang terdapat pada kota lama duyung adalah pintu gerbang, tiang dengan kepala berukir dan terdapat keselesaan pada kota lama duyung iaitu mempunyai telaga, aliran air teratur dan peredaran udara yang selesa. Manakala, ciri-ciri khas yang ada pada kota lama duyung adalah mempunyai warna biru, kuning, dan oren yang dicat pada atas batu dan terdapat gabungan halus yang digunakan pembuatan bangunan ini dengan menggunakan teknik lama dan baru untuk membina

bangunan kota lama duyong untuk mengekalkan keseimbangan ciri pada bangunan ini menurut Dato Wan Hisham Wan Salleh dan Wan Ramli Wan Muhamad (2006).

Menurut keratan akhbar berita harian Baharom Bakar (2015) yang menerbitkan akhbar bertajuk pulau duyong gamit kehadiran pelawat luar negara telah menceritakan beberapa cara pembuatan kota lama duyong pada pelancong asing. Akhbar ini mengatakan bahawa kota lama duyong ini mempunyai beberapa bahagian yang bersambung untuk melihatkan keunikan pada bangunan ini. Selain itu, kebanyakan seni bina yang terdapat pada bangunan ini di ambil daripada seni bina asing iaitu *Corinthian* atau mesir. Selain itu, cara untuk membina kota lama duyong ini dengan menggunakan bahan seperti madu, batu bata dan serbuk kulit yang dibakar untuk diadunkan dijadikan sebagai simen untuk melekatkan pada dinding. Selain daripada itu, struktur bangunan ini tidak dapat dilihat dengan bahan asli kerana telah musnah ketika banjir besar melanda di kuala Terengganu pada tahun 1986 menurut buku tamadun baru bermula di sini Dato Wan Hisham, Wan Salleh dan Wan Muhammad (2006). Akhir sekali, bangunan ini telah dapat pengiktirafan seni bina masyarakat Terengganu yang telah menjadi tarikan unik kepada pelancong dan tempat perkembangan islam.

2.4 Pemuliharaan

2.4.1 Definisi pemuliharaan

Menurut ICOMOS (1999) dalam piagam burra mendefinisikan bahawa pemuliharaan ini adalah sebagai proses untuk memulihara pada sesuatu tempat untuk mengekalkan kepentingan kebudayaan yang terdapat pada tempat tersebut. Proses pemuliharaan ini juga termasuk proses penyelenggaraan, pemulihan, restorasi dan pembinaan semula untuk adaptasi. Seterusnya,

menurut Earl (2003) dan Burden (2004) mendefinisikan pemuliharaan ini sebagai pengurusan pada sesebuah bangunan yang mengalami terabai, musnah dan reput. Akhir sekali, pemuliharaan ini juga merupakan langkah untuk mengelakkan daripada berlaku pereputan menurut Fielden (1999) serta pemuliharaan bangunan warisan ini juga merupakan warisan yang perlu dijaga untuk mengekalkan warisan yang terdapat pada sesebuah bangunan.

2.4.1 Pemuliharaan kota lama duyung

Pemuliharaan adalah kerja-kerja membaikpulih sesebuah bangunan dan mengekalkan bentuk seni yang sama dengan asal untuk dinikmati oleh generasi akan datang. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2018) pemuliharaan ini adalah merupakan warisan budaya yang perlu dijaga kerana memiliki pelbagai warisan pada setiap bangunan ini. Selain itu, warisan sesebuah bangunan yang mempunyai sejarah perlulah dijaga daripada ancaman musuh dan boleh merugikan kerana merupakan sebuah warisan yang bernilai. Di samping itu, warisan yang dijaga ini dapat mengekalkan bentuk kehidupan masyarakat yang harmonis kerana telah dibentuk melalui warisan yang ditinggalkan. Pemuliharaan ini dapat memberikan nilai yang positif terhadap masyarakat tempatan dan luar negara tentang pentingnya jaga warisan bangunan ini. Oleh itu, penjagaan warisan yang ditinggalkan hendaklah dijaga dan dirawat dengan betul dan sistematik untuk mengekalkan konsep warisan seni bina bangunan ini.

Menurut akhbar berita harian yang ditulis oleh Azhar Abu Samah pada tahun (1991) yang bertajuk 'Kota Pulau Duyung dibaik pulih' mengatakan bahawa kota lama duyung di pulau duyung perlu melakukan pemuliharaan kerana merupakan warisan sejarah tempatan dan dapat menarik minat

ETKMW

pelancong. Selain itu, akhbar ini juga mengatakan bahawa ada seorang pakar pengkaji dari Amerika membuat pengkajian mengenai kota lama duyung ini. Ketika melakukan kajian dikawasan itu terdapat beberapa bahagian lagi yang masih kukuh pada bangunan kota lama duyung ini. Di samping itu, pengkaji daripada Amerika mengetahui bahawa Kota Lama Duyung merupakan salah satu tempat untuk mengembangkan syiar islam di negeri ini serta tempat membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan perundangan dan perdagangan. Oleh itu, kota lama duyung ini perlu menjalankan proses pemuliharaan untuk menjaga khazanah dan koleksi yang bersejarah terdapat di dalam bangunan kota lama duyung ini.

Menurut akhbar Utusan Malaysia yang ditulis oleh Engku Suraya pada tahun (1990) yang bertajuk 'Kota Lama Tok Syeikh Duyung Dibaiki'. Kota Lama Duyung ini juga dikenali sebagai Tok Syeikh Duyung kerana beliau merupakan guru agama yang mengajar di kota lama duyung pada masa itu. Selain itu, akhbar ini mengatakan bahawa pemuliharaan kota ini akan dilakukan oleh badan warisan malaysia dengan bekerjasama dengan kerajaan negeri Terengganu. Seterusnya, dalam menjalankan langkah-langkah pemuliharaan terhadap bangunan kota lama duyung ini badan warisan malaysia telah menghantar seorang arkitek yang berasal daripada Amerika untuk mengkaji seni bina yang terdapat dalam dan luar bangunan ini untuk dibaiki. Di samping itu, peruntukan yang dikenakan untuk tujuan pemuliharaan bangunan ini sebanyak RM 400.000 ribu yang dibahagikan dua dengan kerajaan negeri untuk membangunkan semula kota lama duyung ini. Akhirnya, bangunan kota ini dapat dibaik pulih dengan senibina dan ukiran yang asal tanpa mengubah.

2.5 Teori

2.5.1 Pengenalan teori

Kajian teori merupakan teori sesuatu pendapat yang dikemukakan untuk mengetahui keterangan mengenai sesuatu kajian dan asas hukum-hukum umum yang berdasarkan ilmu pengetahuan mengikut kajian yang dijalankan menurut punvadaminta (1976). Selain itu, teori ini juga mempunyai fungsi teori untuk menjelaskan rangkaian pada sesuatu kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji menurut siswoyo (1995). Di samping itu, pencarian teori perlulah dilakukan dengan cara melalui pembacaan dan pencarian buku-buku di perpustakaan supaya dapat mengetahui teori apa yang sesuai digunakan untuk sesebuah kajian yang dijalankan. Akhir sekali, untuk mendapatkan kajian teori ini dengan baik pengkaji perlulah menjalankan aktiviti pembacaan dengan lebih banyak untuk mendapat sesuatu kerana kebanyakan teori ini terdapat di dalam buku yang disediakan menurut Margono (1997).

Konsep teori yang digunakan untuk kajian adalah teori penyesuaigunaan semula atau adaptasi yang merupakan sebuah teori yang berdasarkan pemuliharaan bangunan semula yang telah rosak dengan menggunakan bahan yang lama atau baru berdasarkan kepada tempat yang dilakukan pemuliharaan. Di samping itu, penyesuaigunaan semula juga merupakan pemuliharaan yang dilakukan untuk pengubahsuaian sesuatu bangunan menjadi lebih baik. Akhir sekali, konsep teori konservasi ini merupakan sebuah konsep yang boleh melestarikan dan memulihara pembangunan untuk menjadikan nilai warisan di negara ini.

Kerangka teori ini juga dapat membantu pengkaji untuk menentukan tujuan dalam melaksanakan kajian serta dapat menentukan persoalan kajian yang perlu dilakukan. Kerangka teori ini juga dapat membantu pengkaji untuk membuat kajian yang telah dipilih oleh pengkaji dengan berpandukan hasil kajian lepas yang mengenai dengan topik pengkaji. Di samping itu, kerangka teori ini juga merupakan perkara yang penting untuk sesuatu penyelidikan untuk menyelesaikan masalah yang dikaji. Akhir sekali, kerangka teori ini dilaksanakan berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji.

2.5.2 Teori penyesuaigunaan semula atau adaptasi

Teori konservasi yang terdiri daripada pelbagai jenis teori di dalamnya seperti teori preservasi, restorasi, rekonstruksi, adaptasi dan revitalisasi. Antara jenis-jenis teori ini pengkaji memilih teori adaptasi atau penyesuaigunaan semula kerana merupakan teori yang berkaitan dengan pemuliharaan pembangunan semula. Seterusnya, menurut A.Ghafar (2000) mentakrifkan bahawa bangunan bersejarah ini adalah merupakan sebuah bangunan yang mempunyai unsur sejarah, budaya dan nilai seni bina yang unik. Hal ini kerana, bangunan bersejarah ini merupakan reka bentuk dan seni bina yang mempunyai nilai warisan tinggi yang perlu dipulihara untuk generasi yang akan datang. Selain daripada itu, untuk memulihara bangunan ini perlulah menggunakan fungsi penyesuaigunaan semula untuk mengetahui suatu fungsi yang baharu untuk memenuhi keperluan semasa.

Akhir sekali, penyesuaian gunaan semula bangunan ini dapat memanjangkan jangka hayat bangunan dengan mengubah fungsi baharu untuk kegunaan semasa serta dapat menyelamatkan bangunan bersejarah ini daripada

ancaman kemusnahan, kerosokan dan pereputan terhadap sesuatu bangunan bersejarah. Oleh itu, proses ini dapat memuliharkan bangunan bersejarah di kawasan itu.

2.6 Rumusan bab

Dalam bab ini pengkaji membincangkan tentang kajian lepas berkaitan dengan kajian penyelidikan yang akan dijalankan. Selain itu, terdapat sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan pemuliharaan kota lama duyung iaitu tentang sejarah bangunan, bahan untuk seni bina bangunan dan pemuliharaan. Selain daripada itu, terdapat juga kerangka teori yang mempunyai kaitan dengan tajuk yang dijalankan iaitu teori terdiri daripada kos konservasi. Di samping itu, sorotan kajian lepas ini dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian penyelidikan yang akan datang kerana saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu, pengkaji dapat menghasilkan satu kajian yang baik dan rapi dengan ada rujukan ini.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ketiga ini pengkaji akan membincangkan kaedah-kaedah yang akan digunakan untuk menjalankan projek penyelidikan ini. Kaedah metodologi yang digunakan dapat membantu pengkaji untuk memperoleh maklumat yang relevan dengan kajian akan dilaksanakan. Selain itu, data dan analisis digunakan dalam kajian untuk mendapatkan data dan huraian secara terperinci mengenai kajian ini. Di samping itu, metodologi kajian ini merupakan kaedah untuk mengumpul, menganalisis dan membentuk data supaya dapat memperolehi bukti kukuh untuk menyokong sesuatu kajian supaya dapat menjadikan kajian yang baik dan lengkap. Selain daripada itu, metodologi kajian juga dapat menerangkan cara untuk mengetahui jalan penyelesaian masalah dan teknik yang digunakan untuk penyelesaian masalah dalam kajian. Akhir sekali, tujuan metodologi ini dijalankan adalah untuk membantu pengkaji untuk memahami dengan lebih luas tentang kajian ini serta teknik yang dapat dilakukan untuk membuat huraian yang mengenai dengan proses kajian.

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian ini untuk menentukan kaedah yang perlu digunakan untuk proses penyelidikan yang akan dijalankan. Selain itu, reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mengumpul data, analisis dan penulisan yang dilakukan dengan

menggunakan beberapa proses yang lebih terperinci dan sistematik untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengkaji dalam membuat penyelidikan. Seterusnya, pengkaji hendaklah memilih kaedah kajian yang sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan ini. Reka bentuk yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian adalah berbentuk kajian kes yang memerlukan penerokaan tentang kajian ini melalui pengumpulan data, temu bual dan pelbagai sumber yang berkaitan dengan kajian ini.

3.3 Unit analisis

Unit analisis merupakan penelitian yang akan dilakukan oleh pengkaji untuk menjalankan projek penyelidikan ini. Unit analisis ini akan memfokuskan komponen yang berkaitan dengan tajuk dalam kajian ini. Hal ini kerana unit analisis ini dapat menganalisis data dan sumber yang berkaitan dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji menggunakan unit analisis untuk mengetahui, mengenalpasti dan menganalisis data yang diperoleh untuk digunakan dalam kajian ini. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan lokasi yang telah ditetapkan untuk kajian ini sebagai tempat untuk memperoleh data dan membuat kajian lapangan kerana tempat yang dipilih oleh pengkaji ini merupakan tempat yang berdekatan dengan tempat kajian pengkaji iaitu di pulau duyung yang terletaknya kota lama duyung di kawasan itu. Akhir sekali, pengkaji akan menemu bual 5 orang responden iaitu terdiri daripada 1 penjaga kota lama dan 4 penduduk setempat untuk memperoleh data kajian yang lebih jelas untuk membuat kajian ini.

3.4 Kaedah kajian

3.4.1 Kaedah kualitatif

Kajian kualitatif adalah merupakan satu kajian yang dilaksanakan dengan mendapat pandangan daripada informan dalam menanyakan soalan yang berbentuk temu bual yang akan dilaksanakan. Menurut *Cresswell* (1998) mengatakan bahawa kaedah kualitatif ini merupakan kajian yang menekankan proses pengumpulan data, temu bual, merekod maklumat, dan dapat menyelesaikan isu di lapangan dan menyimpan data kajian. Oleh itu, kaedah kualitatif adalah kaedah pemerhatian dan temu bual.

Pengkaji akan menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini kerana untuk mengetahui maklumat tentang tempat kajian akan dilaksanakan dengan lebih jelas. Selain itu, dalam kaedah ini juga pengkaji akan mengadakan temu bual bersama dengan 5 orang responden iaitu pengurus kota lama duyung dan penduduk sekitar di kawasan ini. Di samping itu, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian iaitu kajian perpustakaan, kajian lapangan, jurnal, artikel dan menggunakan teori yang berkaitan dengan tajuk kajian.

3.5 Teknik pengumpulan data

Teknik pengumpulan data merupakan satu kaedah untuk memperoleh maklumat atau data yang berkaitan dengan kajian penyelidikan yang akan dijalankan. Selain itu, melalui kaedah pengumpulan data ini merupakan satu elemen yang sangat penting untuk mendapatkan hasil yang lebih terperinci. Seterusnya, pengumpulan data ini merangkumi sumber data yang digunakan untuk memperoleh maklumat melalui sumber secara langsung dan tidak langsung. Selain daripada itu, terdapat sumber

maklumat data yang dapat diperolehi iaitu melalui data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data akan diperoleh secara langsung oleh seseorang individu yang mengetahui tentang kajian yang dijalankan oleh pengkaji melalui secara bersemuka. Data sekunder dapat diperolehi melalui beberapa sumber iaitu kajian perpustakaan, jurnal, artikel dan teori yang disertakan dengan rujukan hasil daripada pencarian yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu kajian pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu.

3.5.1 Data primer

Data primer adalah sumber maklumat yang diperoleh secara langsung melalui daripada sumber pertama. Data primer adalah proses temu bual secara bersemuka untuk menjawab soalan yang dikemukakan mengenai kajian ini. Akhir sekali, data primer juga merupakan data dari sumber yang asli mengenai kajian ini untuk mengelakkan daripada mendapatkan maklumat palsu. Pengkaji akan menemu ramah iaitu pengurus kota lama duyung dan penduduk sekitar untuk mendapatkan maklumat tentang kota lama duyung ini.

3.5.2 Data sekunder

Data sekunder merupakan sumber data diperoleh daripada sumber kedua iaitu sumber data diperoleh secara tidak langsung seperti daripada buku, akhbar, jurnal dan artikel yang merupakan bukti untuk mencari maklumat berkaitan dengan kajian dijalankan. Pengkaji menggunakan beberapa kajian lepas akhbar dan jurnal yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan iaitu pemuliharaan kota lama duyung. Oleh itu, bahan-bahan yang banyak diperolehi berdasarkan sorotan kajian lepas dan kajian daripada keratan akhbar dan jurnal terdapat di Malaysia.

Pengkaji telah memilih beberapa kajian lepas melalui keratan akhbar yang berkaitan dengan kajian. Antaranya, melalui keratan akhbar Utusan Malaysia yang ditulis oleh Wan Ramli Wan Mohamad yang bertajuk Muzium Negeri Memang Bercadang Untuk Baikpulih Kota Duyung (1990). Dalam akhbar ini menerangkan bagaimana cara pemuliharaan kota lama duyung yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri Terengganu.

Seterusnya, adalah melalui keratan akhbar berita harian yang ditulis oleh Baharom Bakar (2015) tentang Pulau Duyung Gamit Kehadiran Pelawat Luar Negara. Dalam keratan akhbar ini membuat kajian tentang bahan yang digunakan untuk pemuliharaan semula seni bina kota lama duyung dengan menggunakan bahan yang berkualiti untuk mengekalkan seni bina kota lama duyung ini yang akan dijadikan rujukan untuk kajian ini.

Pengkaji telah memilih jurnal daripada Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff (2018). Kajian berkaitan pemuliharaan warisan budaya melalui perundangan warisan dan agensi pelaksana di Malaysia yang menerangkan tentang penting pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia kerana mempunyai nilai yang berharga dan sejarah serta menjaga konsep dan seni bina yang dikekalkan pada bangunan ini.

Akhir sekali, pengkaji akan melakukan tinjauan di perpustakaan Awam Di Negeri Terengganu dan Perpustakaan Puan Rohani untuk mendapatkan maklumat tentang kajian yang dijalankan. Selanjutnya, pengkaji akan menggunakan pengkalan data internet dan ke perpustakaan untuk mencari artikel, jurnal dan buku yang berkaitan dengan tajuk kajian. Jumlah artikel yang


dikumpulkan adalah 1 buku, 3 artikel jurnal, dan 4 artikel surat khabar yang digunakan untuk sorotan kajian dalam bab 2.

3.6 Persampelan

Persampelan adalah proses untuk memilih subjek atau perkara dalam suatu populasi yang akan dijadikan sebagai responden di dalam kajian ini. Pengkaji akan menggunakan teknik snowball untuk memfokuskan kepada sumber yang ingin di temu bual untuk mendapatkan maklumat. Dengan menggunakan teknik snowball dapat menemui pelbagai cadangan daripada orang sumber yang akan memberikan maklumat dan data. Seterusnya, orang sumber ini juga boleh mencadangkan orang sumber lain untuk mendapatkan maklumat dan data dalam kajian akan dijalankan. Oleh itu, pengkaji akan menemu bual pengurus kota lama duyung kerana beliau boleh memberikan maklumat yang lebih terperinci mengenai kajian ini dan akan mencadangkan kepada pihak seterusnya.

3.7 Analisis data

Analisis digunakan untuk menganalisis data yang dapat menyelesaikan masalah data terdiri daripada komponen-komponen yang berbentuk karakter elemen dan strukturnya untuk memerlukan urutan yang betul mendapatkan hasil dapatan akhir dalam kajian ini dengan memberikan hasil yang terbaik. Pengkaji menganalisis data berdasarkan teknik berikut.



Rajah 3.1: Proses analisis data

Rajah 1 menunjukkan proses analisis data yang akan dibuat oleh pengkaji iaitu melalui proses transkripsi data pengkaji akan merekod segala perbualan daripada temu bual yang telah dijalankan kepada pelbagai orang sumber maklumat ini akan bertukar menjadi data yang bertulis setelah dipindahkan. Seterusnya, pembacaan semula adalah membaca semula data yang telah direkodkan daripada perbualan. Selain itu, pengkaji akan membuat penentuan data yang telah direkod dengan pemilihan data yang sesuai. Justeru itu, pengkaji akan membuat pemilihan kod kumpulan daripada kajian lepas yang sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Selain daripada itu, pengkaji menggunakan pemilihan subkumpulan untuk mengetahui punca yang berkaitan dengan objektif yang dibuat dalam kajian ini. Di samping itu, pengkaji akan melakukan triangulasi data untuk mendapatkan pengesahan data yang telah dibuat melalui temu bual serta dapat membuat perbandingan dengan kajian lepas dan sedia ada. Akhir sekali, data yang diperolehi akan membuat semakan data dahulu untuk menentukan data tersebut betul atau tak.

3.8 Kaedah temubual dan pemerhatian

Pengkaji menjalankan kajian projek penyelidikan dengan menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat tentang pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu. Selain itu, pengkaji menemubual responden secara dalam talian kerana kekangan pandemik covid 19 yang menghalang pengkaji untuk menemubual secara bersemuka. Pengkaji telah menemukan beberapa penduduk di sekitar kota lama duyung untuk mengambil nombor telefon untuk menemubual secara atas talian dengan lebih jelas. Manakala kaedah pemerhatian juga telah dijalankan oleh pengkaji dengan pergi tempat lapangan untuk mengambil beberapa gambar bangunan kota lama duyung untuk meletakkan di dalam laporan projek penyelidikan. Pengambilan gambar kajian ketika kerja-kerja pemerhatian dilakukan ketika kes pendamik covid 19 menurun di kawasan kota lama duyung.

3.9 Senarai responden

Responden merupakan pihak yang dijadikan sebagai sampel dalam melaksanakan sesuatu kajian yang dijalankan. Seterusnya, responden ini juga berperanan sebagai memberikan maklumat dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji secara menemu bual bersemuka atau dalam talian untuk menjalankan kajian ini. Dalam jadual 3.1 di bawah menunjukkan kategori nama, umur, tempat dan tarikh temubual dijalankan kepada responden untuk menemu bual.

Jadual 3.1: Senarai nama responden di temubual oleh pengkaji

Nama dan tempat	Umur	Tarikh Temubual
Anis Aliya Binti Aziz (Penduduk sekitar Bangunan Kota Lama Duyung)	26 Tahun	30 Julai 2021
Siti Aminah Binti Wahid (Penduduk sekitar Bangunan Kota Lama Duyung)	32 Tahun	1 Ogos 2021
Solehah Binti Yusof (Penduduk Sekitar Bangunan Kota Lama Duyung)	45 Tahun	3 Ogos 2021
Fatimah Binti Wahid (Penduduk Sekitar Bangunan Kota Lama Duyung)	27 Tahun	15 Ogos 2021
Munirah Binti Embong (Penolong Pegawai Kurator & Penyelidik dan Pengurus Kota Lama Duyung)	35 Tahun	17 Ogos 2021

MALAYSIA
KELANTAN

ETKWW

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam bab 4 pengkaji akan mengemukakan dapatan dan analisis kajian yang telah diperolehi secara lebih terperinci berdasarkan objektif kajian yang telah disusun pada bab 1. Dapatan kajian dalam projek penyelidikan ini penting kerana akan menjawab permasalahan dan objektif kajian yang telah dinyatakan pada sebelum ini. Seterusnya, dalam dapatan kajian ini juga terdapat tiga objektif utama yang telah dinyatakan oleh pengkaji iaitu pengkaji akan dapat mengetahui sejarah kota lama duyung di Kuala Terengganu. Pada objektif pertama ini pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian pada bangunan kota lama duyung untuk mengetahui dengan lebih terperinci dan jelas mengenai sejarah bangunan ini. Objektif yang kedua iaitu pengkaji akan mengenalpasti seni bina yang dipulihara yang terdapat di kota lama duyung di Kuala Terengganu. Pada objektif kedua ini pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian pada bangunan ini untuk mengetahui bahan-bahan dan konsep seni bina yang telah dipulihara pada bangunan kota ini dengan lebih terperinci. Akhir sekali, objektif yang ketiga iaitu pengkaji akan mengenalpasti langkah-langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung di Kuala Terengganu. Pada objektif yang ketiga ini pengkaji akan menggunakan kaedah temubual dengan menemu bual penjaga dan penduduk di sekitar kota ini untuk mengetahui cadangan langkah-langkah untuk pemuliharaan bangunan kota lama duyung kepada generasi yang akan datang.

Pengkaji telah menjalankan kajian di kampung pulau duyung di kuala Terengganu dengan menemubual beberapa responden yang berada di sekitar bangunan kota lama duyung dan pengkaji juga telah menemu bual dengan beberapa individu yang mengetahui tentang keunikan reka bentuk kota lama duyung serta memberikan beberapa cadangan pemuliharaan untuk memulihara bangunan kota lama duyung ini. Selain itu, terdapat beberapa kajian lapangan lain pengkaji telah lakukan iaitu pergi ke perpustakaan dan tempat kajian lapangan untuk mengetahui sejarah dan keunikan seni bina reka bentuk bangunan kota lama duyung yang masih dipulihara hingga kini. Seterusnya, dengan mengadakan temubual ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan secara jelas dan lancar. Hasil daripada temubual dan kaedah pemerhatian yang telah dilakukan untuk melaksanakan projek penyelidikan ini dapat menjelaskan bahawa bangunan kota lama duyung ini mempunyai sejarah dan keunikan pada reka bentuk seni bina bangunan ini yang masih dipulihara yang dapat dilihat pada beberapa bahagian pada struktur bangunan ini. Akhir sekali, bangunan kota lama duyung ini boleh dijadikan warisan negeri Terengganu terutama kepada pelancong yang ingin datang dan mengetahui tentang kewujudan pemerintahan di pulau duyung pada ketika dahulu.

4.2 Sejarah kota lama duyung di kuala Terengganu

Negeri Terengganu merupakan salah satu negeri yang mempunyai sejarah bangunan lama yang ditinggalkan. Selain itu, dengan mempunyai sejarah tentang sesuatu bangunan itu dapat memberikan penerangan sedikit macam reka bentuk dan seni bina bangunan lama dipulihara kekal hingga ke hari ini. Hal ini kerana negeri Terengganu merupakan negeri yang menjadikan tempat singgahan pedagang dari arab

yang telah menyebarkan agama islam dan mengajar di sekitar kawasan itu serta reka bentuk bangunan ini juga mempunyai unsur-unsur islam. Selain daripada itu, negeri ini juga pernah dijajah oleh british ketika dahulu dengan membina reka bentuk yang mempunyai unsur-unsur british. Seterusnya, bagi pengkaji bangunan kota lama duyung ini juga mempunyai pelbagai keunikan tersendiri yang melambangkan pembinaan bangunan ini yang mempunyai campuran pada seni bina bangunan ini seperti daripada elemen dari british, islam dan tradisional melayu. Walaupun arus kemodenan yang berkembang dengan pesat hendaklah mengekalkan bangunan warisan ini dengan memulihara dan menjaga dengan baik untuk tatapan generasi yang akan datang.

4.2.1 Latar belakang Nik Mohamad Bin Hitam atau Biji Sura merupakan pemilik bangunan kota lama duyung




Rajah 4.1: Wajah Allahyarham Nik Mohamad Bin Hitam Atau Biji Sura

sumber : <https://www.google.com/search?q=gambar+dato+biji+sura&source>

Menurut buku tamadun baru nak bermula Wan Hisham Wan Salleh, D & Wan Ramli Wan Muhammad. (2006) menceritakan tentang Nik Mohamad Bin Hitam yang merupakan individu yang berperanan dalam mengurus isu-isu

yang berkaitan agama, seorang guru yang mengajar agama islam, perundangan di negeri Terengganu dan sebagainya. Peranan beliau dalam bidang perundangan yang mengikuti agama islam ketika melaksanakan bidang kuasa perundangan di negeri Terengganu. Selain itu, beliau juga merupakan seorang guru yang mengajar penduduk sekitar dan raja negeri Terengganu berpandukan rujukan kitab-kitab termasyhur sebelum mengeluarkan sesuatu fatwa atau hukum. Hal ini, dapat mengembangkan agama islam di Terengganu terutama sekali di sekitar kawasan Pulau Duyung yang merupakan tempat penubuhan bangunan Kota Lama Duyung. Akhir sekali, beliau juga digelar sebagai guru yang mengajar agama islam kepada penduduk sekitar dan luar negara.

Latar belakang beliau dibukukan yang bertajuk tamadun baru bermula yang merupakan seorang tokoh islam dan pentadbir dalam bidang perundangan berteraskan islam. Nama penuh beliau ialah Nik Mohamad Bin Hitam atau Biji Sura. Beliau merupakan seorang anak juragan termasyhur pada ketika itu dan beliau mendapatkan pendidikan keagamaan daripada Wan Ismail Bin Wan Salleh yang merupakan seorang guru terkenal kampung pulau duyung. Selain itu, beliau dibesarkan di kampung pulau duyung di Kuala Terengganu dan mendapat pendidikan sepenuhnya di negeri Terengganu. Sebelum beliau menjadi seorang pentadbiran perundangan di negeri Terengganu beliau pernah bekerja sebagai kerani di mahkamah. Seterusnya, beliau juga mempunyai 4 orang isteri iaitu Che Wook, Che Nik Khadijah, Che Yah dan Che Wook Fatimah. Beliau sangat menyayangi semua isteri beliau yang membahagikan hak yang sama rata tanpa berbeza antara satu sama lain.



Rajah 4.2 : Salasilah Keluarga Nik Mohamad Bin Hitam Atau Biji Sura

Sumber: Kajian Lapangan

Dari segi pentadbiran perundangan di negeri Terengganu banyak memegang jawatan dalam bidang pentadbiran perundangan yang bermula pada tahun 1911 sehingga 1942 yang memegang jawatan berlainan pada setiap tahun. Jadual 4.1 di bawah merupakan tahun dan jenis jawatan yang dipegang oleh Nik Mohamad Bin Hitam dalam pentadbiran perundangan dalam negeri Terengganu.

Jadual 4.1: Tahun dan Jawatan yang dipegang oleh Nik Mohamad Bin Hitam dalam pentadbiran perundangan dalam negeri Terengganu.

Tahun	Jawatan Pentadbiran Perundangan
1911	Menjadi naib hakim dan ahli mesyuarat yang bertanggungjawab menggubal undang-undang tubuh bagi diri kerajaan negeri.
1913	Berjawatan hakim mahkamah syariah
1915	Dilantik menjadi hakim mahkamah balai dan 'joint-Court' yang hanya terlibat membicarakan rakyat inggeris di Terengganu.
1928	Memegang jawatan hakim mahkamah besar.
1937	Pemangku mufti kerajaan terengganu
1940	Pesuruhjaya hal ehwal agama terengganu

4.2.2 Sejarah pembinaan bangunan kota lama duyung



Rajah 4.3 : Pandangan Hadapan Kota Lama Duyung

Sumber: kajian lapangan

Bangunan kota lama duyung terletak di kampung pulau duyung kecil di kuala Terengganu. Seterusnya, bangunan ini merupakan milik Nik Mohamad Bin Hitam atau biji sura yang telah dibina pada tahun 1919 pada zaman penjajahan british ke tanah melayu. Bangunan ini telah dibina dengan keluasan 400 meter persegi ini dengan beberapa orang tukang berbangsa melayu dan cina yang melakukan pembinaan bangunan ini. Lokasi kedudukan bangunan kota lama duyung ini terletak di tengah kawasan penduduk sekitar pulau duyung. Selain itu, bangunan kota lama duyung ini amat sukar untuk ditemui kerana kedudukan bangunan ini di kawasan pendalaman kampung pulau duyung. Pengunjung yang ingin pergi ke kota lama duyung ini perlulah memakai *waze* atau bertanya orang kampung untuk mengunjung ke kawasan ini.

Selain itu, bangunan warisan kota lama duyung ini telah dijual oleh pewarisnya kepada kerajaan negeri Terengganu untuk proses pemuliharaan dan pembaikan kerana bangunan ini pernah mengalami

kerusakan ketika banjir besar melanda di kampung pulau duyung pada tahun 1986. Hal ini kerana pewaris bangunan ini telah tinggal jauh daripada kawasan lokasi bangunan kota lama duyung ini. Oleh itu, dengan penjagaan dan pemuliharaan yang dilakukan oleh kerajaan negeri Terengganu ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat sekeliling tentang kewujudan dan warisan yang terdapat pada bangunan ini.

Melalui satu temubual bersama Cik Solehah binti Yusof merupakan penduduk di kawasan kota lama duyung yang memberitahu berkenaan dengan pembinaan bangunan kota lama duyung ini yang terdiri daripada masyarakat tempatan dan luar negara. Selain itu, dengan lebih terperinci lagi pembinaan bangunan ini adalah berbentuk istana kecil yang mempunyai unsur pengaruh seni bina asing iaitu daripada *Corinthian* dan Mesir. Di samping itu, bumbung atap bangunan ini diperbuat daripada atap singgora yang merupakan atap sejenis tanah liat yang tahan lama. Seterusnya, menurut Cik Solehah pembinaan bangunan ini terdapat pelbagai jenis ukiran berbentuk warisan kerana bangunan ini pernah dijadikan tempat perbincangan perundangan pentadbiran di dalam negeri Terengganu. Akhir sekali, bangunan siap dibina pada 1920.

4.3 Seni bina yang dipulihara yang terdapat di kota lama duyung

Pemuliharaan bangunan lama ini merupakan sebuah bangunan warisan yang ternilai mempunyai nilai warisan pada sesebuah bangunan. Hal ini kerana bangunan

warisan ini memiliki elemen estetik dan reka bentuk seni bina yang menarik pada bangunan warisan tersebut. Justeru itu, pemuliharaan bangunan lama ini perlu dilakukan agar generasi yang akan datang dapat berpeluang menikmati dan melihat bangunan warisan. Menurut Ahmad (2006) mengatakan bahawa usaha pemuliharaan bangunan warisan ini perlu dilakukan dengan meliputi beberapa aspek iaitu nilai sejarah, seni bina, bahan binaan yang digunakan dan penyelenggaraan daripada sokongan pelbagai pihak yang berkaitan. Akhir sekali, pembinaan bangunan warisan itu masih lagi wujud hingga kini yang memerlukan pemuliharaan kerana terdapat beberapa bahagian yang mengalami kerosakan.

Seni bina bangunan kota lama duyung ini mempunyai beberapa bahagian yang menggunakan bahan-bahan binaan yang tradisional dan moden setelah dipuliharakan seperti pada pintu, tingkap, lantai, atap, dinding, pagar, tiang dan sebagainya. Setiap pembinaan pada bangunan ini mempunyai bahan-bahan yang unik yang telah ditetapkan untuk memulihara semula bangunan ini. Selain itu, terdapat juga proses dan cara penggunaan untuk memulihara bangunan kota lama duyung. Seterusnya, bangunan ini juga mempunyai elemen seni bina melayu tradisional pada ketika dahulu. Walaubagaimanapun pembinaan kota lama duyung ini menggunakan bahan-bahan semulajadi dan menggunakan tenaga manusia secara manual ketika kerja-kerja pemuliharaan. Pada bahagian ini pengkaji akan memfokuskan beberapa bahagian senibina yang dipulihara dan bahan-bahan yang telah digunakan untuk memulihara bangunan ini.

4.3.1 Bahan-bahan pemuliharaan bangunan kota lama duyung

Terdapat beberapa bahan-bahan yang telah digunakan untuk pemuliharaan bangunan kota lama duyung yang terdiri daripada beberapa bahan

seperti batu-bata, madu, serbuk kulit kerang dan putih telur. Bahan-bahan ini merupakan penggunaan bahan yang asas ketika membangunkan bangunan kota lama duyung pada ketika dahulu.

Terdapat beberapa bahan dan cara yang digunakan untuk pemuliharaan bangunan kota lama duyung. Penggunaan bahan batu bata yang berwarna merah untuk pemuliharaan bangunan kota lama duyung. Tujuan penggunaan batu bata warna merah digunakan untuk membuat dinding kerana mempunyai ketahanan yang lebih lama dan penggunaan batu bata ini hanya digunakan pada aras bawah bangunan kota lama duyung. Cara menggunakan batu bata ini dengan meletakkan simen pada setiap ruang dan menggunakan tali untuk menentukan susunan yang kemas. Oleh itu, terdapat juga kelebihan menggunakan batu bata berwarna merah iaitu dapat memberikan ruang rumah sejuk, tidak mudah retak dan tahan api.

Bahan kedua yang digunakan untuk pemuliharaan kota lama duyung ialah serbuk kulit kerang iaitu serbuk ini digunakan untuk dijadikan sebagai simen yang menampal pada dinding bangunan. Tujuan penggunaan bahan ini untuk menjadikan dinding bangunan kota lama duyung lebih tahan daripada hakisan dan reput. Cara menggunakan serbuk kulit kerang dengan membakar terlebih dahulu dan dicampur sedikit air untuk dijadikan sebagai simen. Akhir sekali, kelebihan menggunakan serbuk kulit kerang ini dapat mengukuhkan struktur bangunan kota lama duyung daripada mereput dan musnah.

Bahan yang ketiga digunakan untuk memulihara bangunan ini dengan menggunakan simen semulajadi dengan menggunakan 5 bahan iaitu putih telur, pasir, madu, batu kecil dan tanah liat. Seterusnya, cara-cara untuk membuat

simen semulajadi dengan mengadunkan ke semua bahan-bahan sehingga menjadi sekata dan rata untuk menampal dinding dengan mudah dan rapi. Oleh itu, kelebihan menggunakan bahan semulajadi ini dapat mengelakkan daripada pertumbuhan mikroorganisme yang banyak pada dinding dan berlaku kerosakan yang teruk kerana kehadiran bahan-bahan semulajadi dalam menguatkan dinding bangunan kota lama duyung.

4.3.2 Peralatan yang digunakan untuk proses pemuliharaan bangunan kota lama duyung

Terdapat beberapa peralatan yang digunakan untuk melakukan kerja-kerja pemuliharaan kota lama duyung ketika melakukan proses-proses pembaikan semula dengan menggunakan secara manual tanpa menggunakan mesin teknologi untuk mengelakkan berlaku kerosakan pada dinding bangunan kota lama duyung.

Peralatan yang digunakan untuk kerja-kerja pemuliharaan secara manual iaitu dengan menggunakan peralatan skop, sudip simen, cangkul dan sudip plaster simen. Fungsi menggunakan peralatan skop dan cangkul untuk melakukan kerja-kerja manual ini untuk memudahkan pekerja mangaulkan bahan-bahan pembuatan simen dengan mudah dan cepat. Seterusnya, fungsi sudip simen adalah mengambil simen dengan jumlah yang sedikit untuk menampal pada dinding. Akhir sekali, fungsi sudip plaster simen adalah meratakan simen pada dinding.

Selain itu, peralatan seterusnya yang digunakan untuk proses-proses membuat kerja pemuliharaan secara manual ini adalah menggunakan kereta sorong dan baldi simen. Fungsi menggunakan kereta sorong adalah mengangkut

simen yang telah siap pergi ke tempat yang dituju untuk penampalan batu-bata. Di samping itu, fungsi baldi simen pula untuk memudahkan pekerja mengangkut air dan mengangkut simen dengan jumlah yang sedikit untuk naik ke bahagian penampalan batu-bata yang tinggi.

Peralatan lain yang digunakan untuk proses-proses pemuliharaan bangunan ini adalah pita pengukur, tali kait dan alat ukur sudut. Fungsi alat pita pengukur dalam kerja memulihara untuk mengukur jarak yang panjang sebelum memulakan penyusunan batu bata. Selain itu, fungsi alat tali kait adalah untuk memastikan garisan penyusunan batu bata setiap baris dalam keadaan teratur dan tersusun. Akhir sekali, alat ukur sudut pula untuk mengukur sudut yang tepat ketika menyusun batu bata.

4.3.3 Bahagian bangunan kota lama duyung yang telah dipulihara

Terdapat beberapa bahagian yang telah dipuliharakan pada bangunan kota lama duyung yang kebanyakannya membawa kesenian melayu pada setiap binaan bangunan ini. Antara bahagian yang telah dipuliharakan adalah pada bahagian atap, dinding, tiang, tangga, pagar dan lain-lain pada kota lama duyung. Gambar rajah dibawah merupakan seni bina reka bentuk bahagian yang telah dipulihara pada bangunan kota lama duyung yang mempunyai pelbagai ciri-ciri kesenian melayu dan inggeris.

Bahagian atap



Rajah 4.4: Bahagian Atap

Sumber : Kajian Lapangan

Pada bahagian atap bangunan kota lama duyung ini menggunakan atap singgora yang merupakan atap bertahan lama dan tidak mudah rosak dalam rajah 4.4. Hal ini kerana atap singgora ini telah diperbuat daripada tanah liat yang telah diimport daripada singapura pada ketika dahulu. Bahagian ini digantikan dengan atap singgora kerana mengalami kebocoran dan kerosakan pada bahagian ini ketika banjir besar melanda di kawasan ini. Pembaikan atap ini telah disusun dengan mengikut bentuk dan teratur supaya tidak mengalami kebocoran ketika hujan lebat di kawasan ini. Akhir sekali, kelebihan atap ini akan bertahan dalam jangka masa yang lama serta dapat mengelakkan daripada pertumbuhan mikroorganismes yang banyak.

Bahagian tiang




Rajah 4.5 : Bahagian Tiang

Sumber : Kajian Lapangan

Pada bahagian tiang ini telah dibaik pulih semula kerana mengalami kerosakan kerana kejadian banjir besar di kampung pulau duyung dalam rajah 4.5. Pemuliharaan tiang bangunan kota lama duyung amatlah penting kerana mempunyai reka bentuk yang unik dan ukiran yang direka sendiri oleh pemilik bangunan ini. Selain itu, bahan binaan tiang ini adalah daripada kulit kerang, pasir, telur, madu, kapur dan tanah liat yang telah diandunkan semua menjadi simen sehingga membentuk sebuah tiang. Seterusnya, terdapat ukiran pada tiang bangunan ini hasil daripada gubahan dan idea sendiri oleh pemilik bangunan ini iaitu Datuk Biji Sura. Pembinaan tiang ini memerlukan modal yang tinggi dan pereka yang mahir hal ini kerana tiang ini merupakan senibina penting untuk membangunkan sesebuah bangunan. Oleh itu, pembinaan tiang berukiran unik di bangunan ini merupakan salah satu penarikan pandangan yang indah iaitu daripada seni ukiran yang halus dan indah serta dikenali juga sebagai perhiasan pada tiang ini.

Bahagian dinding



Rajah 4.6: Bahagian Dinding

Aras Atas



Rajah 4.7: Bahagian Dinding

Aras Bawah

Sumber : Kajian Lapangan

Pada aras atas bahagian dinding dalam rajah 4.6 diperbuat daripada kayu yang mahal dan bermutu. Manakala aras bawah bahagian dinding dalam rajah 4.7 diperbuat daripada adunan bahan-bahan seperti kulit kerang, pasir, batu, putih telur, madu, kapur dan tanah liat untuk dijadikan satu adunan simen. Kayu yang digunakan untuk pembuatan aras atas adalah menggunakan kayu cengal yang bermutu tinggi kerana untuk mengelakkan kebocoran dan tahan lama. Seterusnya, aras bawah pula diperbuat daripada bahan-bahan semulajadi untuk mengekalkan struktur bangunan dan bertahan lama. Di samping itu, pembinaan dinding ini juga merupakan salah satu keunikan seni bina yang dipelihara untuk tatapan generasi yang akan datang.

Bahagian tangga



Rajah 4.8: Bahagian Tangga

Sumber : Kajian Lapangan

Pada bahagian tangga dalam rajah 4.8 telah mengalami kerosakan yang teruk ketika banjir besar melanda yang menyebabkan patah, pertumbuhan mikroorganismes dan perupatan pada tangga ini. Proses pembaikpuliharaan dijalankan kerana merupakan seni bina yang penting untuk pelancong yang datang ke bangunan ini. Bahan yang membuat tangga ini daripada kayu cengal yang mempunyai ketahanan lebih lama dan kukuh. Penghasilan tangga ini yang mempunyai bilangan tangga yang ganjil dan mempunyai ukiran tersendiri daripada tangga ini. Akhir sekali, pembinaan tangga ini dapat memudahkan pelancong luar dan dalam negara yang berkunjung ke bangunan kota lama duyung ini.

Bahagian pagar



Rajah 4.9: Bahagian Pagar

Sumber : Kajian Lapangan

Pada bahagian pagar dalam rajah 4.9 proses pemuliharaan dijalankan kerana mengalami kerosakan yang menyebabkan pagar ini musnah dan berkarat. Pembinaan semula pagar ini daripada besi yang telah diimportkan daripada Singapura dan mempunyai ukiran Islam pada pagar ini. Reka bentuk pagar besi ini bermotif daripada seni hiasan tradisional Melayu pada ketika dahulu. Tujuan pembinaan semula pagar ini untuk mengelakkan daripada kemasukan binatang liar dan orang siuman pada waktu malam. Hal ini dapat menjaga aset dan barang yang berharga terdapat di dalam bangunan ini. Akhir sekali, dapat memudahkan penjaga untuk mengawasi bangunan ini dengan selamat aman.

Bahagian lantai




Rajah 4.10: Bahagian Lantai

Sumber : Kajian lapangan

Bahagian lantai dalam rajah 4.10 dipulihara semula kerana mengalami patah, kebocoran dan berlubang-lubang pada lantai. Lantai ini telah diperbuat daripada kayu yang mempunyai sokongan daripada rasuk yang membolehkan lantai ini berkedudukan memanjang pada bahagian dalam dan luar rumah. Selain itu, lantai ini juga diperbuat daripada kayu cengal yang merupakan kayu yang bertahan lama dan tidak mudah rosak. Seterusnya, pembinaan lantai ini juga mempunyai dua jenis iaitu membina lantai secara rapat dan membina lantai secara berjarak. Hal ini kerana, pembinaan lantai secara rapat akan memudahkan pengguna untuk berjalan dan menuju ke lokasi yang tertentu. Manakala pembinaan lantai jarak dalam bangunan ini supaya pengudaraan dari luar dapat masuk supaya bangunan ini menjadi lebih sejuk dan memudahkan pengguna untuk menyapu, memasak dapur arang dan sebagainya. Akhir sekali, pembinaan lantai ini semula dapat memudahkan pengguna untuk berkunjung ke bangunan kota lama duyung ini.

4.4 Langkah-langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung

Menurut Ghafar (1994) pemuliharaan bangunan warisan merupakan tugas yang penting untuk menjaga bangunan warisan ini daripada terus lenyap ditelan zaman dan pupus. Pemuliharaan bangunan warisan ini amatlah penting kerana reka bentuk dan nilai seni bina yang unik tidak terdapat pada bangunan moden pada masa kini. Selain itu, usaha pemuliharaan bangunan warisan ini perlulah dilakukan dari masa ke semasa supaya generasi akan datang dapat melihat bangunan warisan ini dalam bentuk muzium, galeri dan lain-lain hasil daripada penyesuaigunaan semula dengan bentuk yang telah sedia ada. Seterusnya, pengkaji juga menjalankan kajian terhadap bangunan warisan ini tentang sejarah dan langkah yang telah diambil untuk pemuliharaan bangunan warisan termasuk bangunan kota lama duyung. Pelbagai usaha dan langkah yang dapat diambil daripada semua pihak untuk pemuliharaan bangunan warisan ini daripada kemusnahan dan pencerobohan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Antara langkah dan usaha yang telah diambil ketika soal temubual diadakan oleh beberapa orang adalah dalam rajah 4.11 dibawah.



Rajah 4.11: Langkah dan Usaha yang telah diambil untuk pemuliharaan bangunan

Kota Lama Duyung

4.4.1 Peranan Kerajaan

Kerajaan perlulah menyediakan peruntukan khas untuk memulihara bangunan bersejarah di Malaysia. Selain itu, kerajaan hendaklah memperuntukan dana dalam belanjawan negara untuk pemuliharaan bangunan warisan yang terdapat di Malaysia untuk mengikut langkah yang telah diambil oleh negara maju dalam memuliharakan bangunan warisan. Seterusnya, dengan mencukupi wang untuk proses pemuliharaan sesuatu bangunan warisan dapat memberikan kemudahan kepada pelancong yang datang berkunjung dengan menyediakan pelbagai fasiliti yang menarik seperti pembinaan kedai makan, tempat berehat, tempat parking dan sebagainya. Oleh itu, kedatangan pelancong luar dan dalam negara juga dapat menambahkan pendapatan negara dalam sektor pelancongan.

Selain itu, kerajaan juga menggalakan syarikat swasta untuk membantu dalam pemuliharaan bangunan warisan di negara ini supaya langkah pemuliharaan bangunan warisan ini diperluaskan dan mengelakkan daripada berlaku kepupusan bangunan bersejarah jika terdapat banyak pihak yang membantu untuk menjaga bangunan bersejarah ini. Seterusnya, kerajaan juga perlulah memberikan faedah kepada syarikat swasta yang ingin membantu dalam penjagaan bangunan sejarah di negara ini. Di samping itu, dengan mengadakan kerjasama antara swasta dan kerajaan untuk memulihara bangunan warisan secara tidak langsung dapat menarik perhatian mereka dalam memberikan bantuan kewangan atau fizikal dalam pemuliharaan bangunan bersejarah ini. Oleh itu, dapat meningkatkan kesedaran dalam pemuliharaan bangunan bersejarah ini.

Kerajaan juga hendaklah menggalakan kementerian pelancongan dalam negara untuk menyediakan pakej pelancongan yang menambahkan tempat-tempat bersejarah di negara ini untuk memudahkan pelancong luar berkunjung ke tempat bersejarah di negara ini. Secara tidak langsung dapat menarik minat pelancong luar untuk mengetahui tentang sejarah yang terdapat di negara dan memberikan ilmu pengetahuan yang baharu kepada pelancong luar negara mengenai sejarah di negara. Di samping itu, ejen-ejen pelancongan juga hendaklah memberikan layanan yang baik dan penambahan lokasi tempat bersejarah supaya memudahkan pelancong luar untuk menuju ke lokasi yang dituju. Oleh itu, dengan penambahan pakej pelancongan dan penyediaan kemudahan dapat meningkatkan kedatangan pelancong dari luar negara yang datang ke negara ini untuk melihat keindahan dan keunikan tempat bersejarah di negara ini.

4.4.2 Peranan pendidikan

Pendidikan peringkat sekolah rendah, sekolah tinggi dan universiti perlulah memberikan galakan kepada pelajar untuk memuliharkan bangunan warisan di negara ini. Pada peringkat sekolah tinggi dan rendah perlulah mengadakan satu program tentang kelebihan pemuliharaan bangunan bersejarah di negara ini. Manakala pada peringkat unversiti pula perlulah menawarkan kos tentang penjagaan tempat bersejarah yang terdapat di Malaysia kepada pelajar. Hal ini dapat memberikan kesedaran yang tinggi dalam diri pelajar untuk menjaga bangunan bersejarah daripada pupus dan ditelan di arus kemodenan masa kini. Oleh itu, langkah ini juga merupakan salah satu usaha kepada masyarakat di luar sana untuk menjaga bangunan warisan

terutama kepada generasi masa kini supaya bangunan bersejarah ini terus dipulihara dari masa ke semasa.

Selain itu, pihak sekolah dan universiti juga perlulah mengadakan satu program lawatan sambil belajar ke tempat bersejarah kepada pelajar supaya dapat menambahkan ilmu pengetahuan tentang sejarah pada tempat bersejarah di negara ini. Selain daripada itu, dapat menambahkan sumber pendapatan kerana yuran untuk kemasukan ke tempat ini meningkat serta dapat membantu memuliharkan tempat bersejarah dengan hasil daripada pengunjung yang datang. Oleh itu, dapat menstabilkan sumber kewangan kepada pihak yang menguruskan tempat bersejarah ini.

4.4.3 Peranan media massa

Media massa merupakan salah satu platform yang semakin berkembang pada masa kini yang dapat memberikan maklumat kepada negara luar dengan pantas. Dengan mempunyai teknologi canggih ini kerajaan telah melaksanakan promosi bangunan yang bersejarah di negara ini untuk menggalakan pelancong asing untuk datang ke negara ini. Promosi secara besar-besaran dan pakej yang menarik dapat memberikan penarikan pelancong asing semakin bertambah datang ke negara ini untuk mengetahui dan menyelidiki tempat sejarah yang di negara ini. Oleh itu, semakin meningkat kedatangan pelancong asing ke negara semakin meningkat pendapatan dalam negara yang dapat menambahkan hasil ekonomi dalam negara dan pihak pengurusan tempat bersejarah ini.

Pendokumentarian juga digalakan kepada syarikat produksi untuk membuat dokumentari khas tentang bangunan warisan yang terdapat di Malaysia ini. Dengan pembuatan dokumentari ini dapat memberikan dan

memperkenalkan tempat-tempat bersejarah dengan lebih mendalam kepada masyarakat diluar sana. Seterusnya, dalam penulisan dan pembuatan video untuk dokumentari ini dengan menceritakan keindahan reka bentuk bangunan bersejarah dan sejarah yang terdapat pada sebuah tempat bangunan sejarah di negara ini. Hal ini juga dapat memberikan maklumat dan info mengenai bangunan bersejarah yang terdapat di Malaysia kepada masyarakat dalam dan luar negara. Oleh itu, dapat meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan bangunan warisan kepada generasi yang akan datang.

4.4.4 Pembaikan dan penyesuaigunaan semula bangunan

Langkah pembaikan dan penyesuaigunaan semula bangunan merupakan salah satu usaha dalam pemuliharaan bangunan bersejarah. Proses pembaikan bangunan warisan dilaksanakan untuk memuliharakan semula bahagian yang telah mengalami kerosakan untuk menjaga seni bina sesebuah bangunan ini daripada terus mengalami kerosakan. Manakala penyesuaigunaan semula bangunan merupakan usaha yang telah dibuat dengan menggunakan senibina dan reka bentuk yang sedia ada tanpa mengubah atau menambahkan bentuk yang lain untuk mengekalkan kesenian terdahulu. Kaedah ini telah dapat dipulihara dengan baik tanpa merosakan dan kepupusan kesenian terdahulu yang terdapat pada sebuah bangunan untuk tatapan generasi masa kini. Oleh itu, langkah ini telah memudahkan pihak yang bertanggungjawab dalam penjagaan pemuliharaan bangunan warisan di negara ini.

4.5 Rumusan bab

Dalam bab ini pengkaji telah membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan kajian penyelidikan yang telah dijalankan. Selain itu, terdapat beberapa penerangan daripada setiap objektif yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan kota lama duyung seperti sejarah, seni bina dan langkah pemuliharaan telah dilaksanakan. Selain daripada itu, terdapat juga jadual dan rajah yang memberikan sedikit pengetahuan tentang tempat kajian yang telah dilaksanakan saling berkait antara satu sama lain. Oleh itu, pengkaji dapat maklumat yang terperinci dan tempat dengan pergi ke tempat kajian lapangan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini.

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini pengkaji memberikan gambaran secara ringkas tentang kajian telah dilaksanakan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan kajian daripada 3 objektif kajian yang telah dilaksanakan. Selain itu, bahagian ini juga pengkaji akan memberikan beberapa cadangan untuk memudahkan penyelidik pada masa hadapan untuk mengkaji tentang bangunan kota lama duyung ini. Akhir sekali, pelaksanaan projek penyelidikan ini dapat membantu generasi yang akan datang untuk mendapatkan maklumat tentang bangunan ini ketika melakukan kerja-kerja penyelidikan di masa akan datang.

5.2 Kesimpulan kajian

Kajian telah dilaksanakan berdasarkan tiga objektif kajian iaitu mengetahui sejarah kota lama duyung, mengenalpasti seni bina yang dipulihara yang terdapat di kota lama duyung dan mengenalpasti langkah-langkah yang diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung. Pengkaji telah melaksanakan ketiga-tiga objektif kajian ini walaupun banyak ujian dan rintangan ketika menjalankan kerja-kerja penyelidikan ini. Kesemua objektif kajian telah dilaksanakan melalui dapatan kajian pada bab empat.

Hasil kajian bagi objektif yang pertama pengkaji dapat mengetahui sejarah kota lama duyung dengan lebih terperinci dan mendalam tentang bangunan kota lama

duyung ini. Bagi mendapatkan maklumat tentang sejarah bangunan ini pengkaji telah menjalankan beberapa buah bacaan buku dan bertanya penduduk sekitar bangunan ini tentang sejarah bangunan ini. Dengan maklumat yang diperolehi bahawa pemilik bangunan kota lama duyung bukan orang sembarangan beliau merupakan anak juragan yang disegani oleh masyarakat di sekitarnya. Selain itu, beliau juga merupakan seorang yang memegang jawatan pentadbiran perundangan dalam negeri Terengganu pada ketika itu. Seterusnya, pembinaan bangunan kota lama duyung ini juga merupakan tempat pembelajaran agama islam kepada penduduk kampung dan golongan-golongan atasan. Selain daripada itu, pembinaan bangunan kota lama duyung ini juga telah digelar sebagai istana kecil kerana keunikan dan keindahan seni yang terdapat pada bangunan ini.

Seterusnya, objektif kajian yang kedua iaitu pengkaji mengenalpasti senibina yang telah dipulihara di kota lama duyung. Terdapat beberapa senibina yang telah dipulihara semula kerana bangunan ini telah mengalami kerosakan ketika banjir besar melanda di kampung pulau duyung pada tahun 1986. Seterusnya, pengkaji dapat mengenalpasti beberapa bahan tradisional yang telah digunakan untuk proses pemuliharaan bangunan ini. Bahan-bahan yang telah digunakan untuk membangun semula bangunan ini seperti putih telur, tanah liat, madu, serbuk kulit kerang, pasir dan batu kecil yang telah diandunkan menjadi satu untuk memudahkan proses penampalan. Di samping itu, proses pemuliharaan semula bangunan ini juga berdasarkan rekabentuk yang sedia ada yang berasal daripada konsep *Corinthian* dan mesir. Selain daripada itu, bangunan ini juga sepenuhnya digunakan tenaga manusia secara manual tanpa menggunakan jentera berat untuk mengelakkan berlaku kerosakan pada bangunan ini. Akhir sekali, pemuliharaan seni bina bangunan ini dapat menjaga bangunan ini

daripada kemusnahan dan kepupusan yang dapat memberikan tatapan kepada generasi akan datang untuk mengenali sejarah yang terdapat di negeri ini.

Akhir sekali, hasil kajian objektif yang ketiga iaitu pengkaji mengenalpasti langkah-langkah yang telah diambil untuk pemuliharaan kota lama duyung. Pengkaji telah menemu bual beberapa orang penduduk dan pegawai di muzium Terengganu untuk mencadangkan beberapa langkah yang sewajarnya pemuliharaan bangunan ini daripada kerosakan dan kepupusan. Antara langkah yang telah dicadangkan terdiri daripada beberapa pihak yang dipertanggungjawabkan seperti peranan kerajaan, peranan pendidikan, peranan media massa dan pembaikan dan penyesuaigunaan semula bangunan ini. Hal ini kerana peranan ini merupakan golongan yang terpenting untuk menyarankan kepada masyarakat tentang sejarah bangunan ini untuk terus dipuliharakan pada zaman arus kemodenan ini. Oleh itu, dengan cadangan langkah ini dapat memberikan generasi muda masa kini tentang kepentingan dan kelebihan dalam penjagaan sejarah yang ada di negeri ini untuk kajian penyelidikan sebagai rujukan pada masa akan datang.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini telah dilaksanakan dengan berkesan mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Pengkaji juga telah membuat tinjauan lapangan dan mencari buku-buku tentang bangunan ini untuk mengetahui sejarah, seni bina yang dipulihara dan langkah untuk pemuliharaan bangunan ini. Akhir sekali, kajian ini juga dapat menyelesaikan objektif dan persoalan yang terdapat pada bab satu dalam kajian ini.

5.3 Cadangan

Bangunan kota lama duyung merupakan salah satu aset warisan yang perlu dipulihara dan diselamatkan kerana mempunyai nilai berharga kepada negara. Bangunan warisan ini juga dapat menjadi produk pelancongan kepada pelancong luar dan dalam negara untuk mengetahui sejarah tentang bangunan ini. Selain itu, jika terdapat jenis kerosakan pada bangunan ini hendaklah dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa supaya bangunan ini dapat terjaga dan terpelihara. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dalam kajian penyelidikan tentang pemuliharaan bangunan kota lama duyung supaya dapat digunakan kepada penyelidik pada masa akan datang.

5.3.1 Menjadi bukti bangunan bersejarah dan kebudayaan di terengganu

Pengkaji berharap bangunan kota lama duyung ini dapat menjadi salah satu bangunan yang bersejarah dari segi pembinaan, tokoh sejarah, pengaruh senibina dan reka bentuk yang dapat menjadi bukti sejarah perlu dikekalkan untuk menjadikan bahan rujukan kepada pengkaji lain tentang kelebihan dan kekurangan bangunan ini. Oleh itu, bangunan warisan ini perlulah dipulihara dan dijaga dengan rapi supaya tidak pupus kerana merupakan salah satu aset negara yang bernilai jika pupus akan menyebabkan kerugian kepada bangsa dan negara.

5.3.2 Merekomendasi bangunan kota lama duyung

Merekomendasi bangunan kota lama duyung merupakan salah satu langkah kerajaan untuk mempromosikan atau memperkenalkan bangunan ini kepada masyarakat luar dan dalam negara. Langkah ini perlulah dipertingkatkan dari semasa ke semasa secara konsisten supaya pemuliharaan bangunan ini terjaga dan tidak pupus di telan arus kemodenan. Hal ini kerana pengkaji

mencadangkan langkah ini supaya kerajaan dapat mengkaji dan mengadakan perbincangan kertas kerja kepada agensi-agensi swasta dan pihak berkuasa tempatan supaya bangunan ini dapat dipulihara dan dijaga.

5.4 Rumusan bab

Pengkaji berharap kajian ini dapat memberikan manfaat dan pengetahuan kepada masyarakat yang ingin mengkaji tentang pemuliharaan bangunan ini pada masa akan datang sebagai bahan rujukan. Selain itu, pengkaji juga berharap supaya kajian ini dapat memberikan pendedahan yang jelas kepada pembaca tentang bagaimana cara untuk pemuliharaan sesebuah bangunan sejarah. Seterusnya, dengan terdapatnya kajian ini para pengkaji yang akan datang dapat menggunakan kajian ini sebagai tajuk utama dalam melaksanakan kajian berdasarkan bangunan bersejarah yang dikaji pada masa akan datang. Akhir sekali, dapat memudahkan para penyelidikan yang ada di Malaysia ini untuk mengambil rujukan yang telah dilakukan oleh penyelidikan tempatan sendiri yang tidak hanya berpandukan rujukan dari luar negara hal ini dapat mengembangkan bidang penyelidikan di negara ini.

RUJUKAN

Azhar Abu Samah. (1997, September 1). Pemuliharaan Kota Duyung Ikut Cara Pembinaan Asal. Berita Harian, 11.

Berita Harian. Bahrom Bakar. (2015, Julai 19). Pulau Duyung Gamit Kehadiran Pelawat Luar Negara: <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/68816/pulau-duyong-gamit-kehadiran-pelawat-luar-negara>.

Daeng Haliza Daeng Jamal & Zuliskandar Ramli. (2021). Pemuliharaan Beberapa Bangunan Bersejarah Di Kelantan: Tinjauan Ke Atas Penglibatan Komuniti Setempat Dalam Suai Guna Semula. 17(2): (461-474).
<https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/47195/11921>

Drs. Tjetjep Samsuri, M.Pd. (2003, Jun 23). Kajian Teori, Kerangka Konsep Dan Hipotesis Dalam Penelitian:
http://repository.unp.ac.id/1656/1/tjetjep%20samsuri_209_03.pdf

Engku Suraya. (1990, Disember 6). Kota Lama Tok Syeikh Duyung Dibaiki. Berita Harian, 10.

Mohd Ali Mohd Yusuf. Basri Ibrahim. (2020, Oktober 1). Institusi Pendidikan Islam Dan Fungsinya Sebagai Sumber Pengetahuan Ilmu Faraid Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. 10(1): 37-51.
<https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/108/84>

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. 17(2): 143.
<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/28661/8523>

Peta lokasi Kota Lama Duyung. diakses (2021, Januari 1)
<https://www.google.com/maps/place/Kota+Lama+Duyung/@5.3354866,103.125664,17.53z/>

Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin. (2003). Konservasi Kota Duyung. Universiti Teknologi Malaysia.16:(1-19).

http://eprints.utm.my/id/eprint/581/2/the_malaysian_experience_the_conservation%282003%29syed_ahmad_iskandar.pdf

Wan Hisham Wan Salleh, D., & Wan Ramli Wan Muhammad. (2006). Tamadun Baru Bermula Di Sini. Kuala Terengganu, Terengganu: Unit Komunikasi Kerajaan Negeri Terengganu.

Wan Ramli Wan Mohamad. (1990, April 2). Muzium Negeri Memang Bercadang Baikpulih Kota Duyung. Berita Utusan Malaysia, 16.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ETKWW